

18 JANUARI 2018

Waspada dadah tiruan baharu

SINAR HARIAN • KHAMIS 18 JANUARI 2018

Waspada dadah tiruan baharu

KUALA ROMPIN - Pegawai dan anggota polis di daerah ini digesa supaya mengenali dadah-dadah tiruan jenis baharu yang mula memasuki pasaran gelap seperti *mushroom* serta *flakka*.

Mushroom adalah jenis dadah NPS (New Psychoactive Substances) iaitu dadah jenis tradisional daripada pokok berasal dari Afrika Timur serta Arab.

Berbeza pula bagi *flakka*, ia akan menyebabkan pengguna lebih agresif namun setakat ini ia masih belum dikesan atau ada laporan berkaitannya.

Ketua Polis Daerah Rompin, Deputi Superintendant Azli Mohd Noor, berkata, berdasarkan maklumat yang diperoleh kebanyakannya dadah *mushroom* dijual dalam bentuk batang rokok dengan harga lebih kurang RM70 sebatang.

Menurutnya, jika dijual dalam bentuk kotak (12 hingga 14 batang) ianya dijual pada harga lebih kurang



Azli (depan, dua kiri) bersama pegawai dan anggota IPD Rompin ketika melafazkan ikrar tidak mengambil dadah.

RM700.

"Orang yang menggunakan dadah tiruan jenis ini akan berasa khayal statik dalam tempoh lebih kurang 10 hingga 15 minit dengan satu sedutan. Kandungan *mushroom* yang dibalut menyerupai rokok ini seakan-akan ganja dan dikongsi beramai-ramai kerana kesannya yang cepat," kata-

nya dalam satu kenyataan kepada media.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Lafaz Ikran Tidak Mengambil Dadah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Rompin, kelmarin yang melibatkan 158 pegawai dan anggota.

Bagaimanapun, Azli memberitahu setakat ini masih tiada kes melibatkan

dua jenis dadah tiruan baharu itu di daerah ini.

Dalam pada itu, Azli turut menyeru supaya pegawai dan anggota atau pun kakitangan awam agar tidak terlibat dalam kegiatan berkaitan dadah.

Beliau turut menegaskan tidak akan berkompromi dengan mereka yang terlibat dalam aktiviti dadah.